

23/03/2004

Kebijaksanaan memilih pemimpin

Hassan Omar

SETAHUN lalu, seorang pemimpin DAP berkata partinya agak sukar berdepan dengan kerajaan pimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad, tetapi percaya keadaan akan berbeza apabila Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengambil alih jawatan Perdana Menteri.

Bagaimanapun, beliau juga berpendapat laluan Pas mungkin lebih sukar jika Abdullah mengambil alih pentadbiran kerajaan kerana selain faktor peribadinya yang sederhana, kemampuannya dalam bidang agama menyebabkan Pas terpaksa memikirkan semula perjuangan Islamnya.

Kata-kata pemimpin DAP itu menjadi realiti apabila keputusan Pilihan Raya Umum Ke-11 menyaksikan Pas terpaksa akur kepada ketokohan Pak Lah, terutamanya dalam bidang agama. Dengan membawa imej cucu ulama, keperibadiannya dilihat banyak pihak mampu menyeimbangi jika tidak menandingi ketokohan pemimpin Pas yang digelar ulama.

Apa pun, keputusan pilihan raya kali ini jelas menunjukkan Pas ditolak oleh pengundi bukan Islam, khususnya Cina. Jika pada 1999 Pas berbangga kononnya memperoleh sokongan sekurang-kurangnya lima peratus undi Cina, kini mereka terpaksa menggigit jari apabila harapan sokongan pengundi Cina akan meningkat antara 10 hingga 15 peratus, meleset sama sekali.

Bagi pengundi Cina, mereka tidak mahu kecenderungan berniaga yang menjadi kegiatan ekonomi mereka dan keamanan negara secara keseluruhannya, tergugat jika Pas berjaya membentuk Kerajaan Persekutuan.

Tragedi 11 September 2001 yang meninggalkan kesan negatif terhadap Islam sedikit sebanyak mempengaruhi mereka. Ini ditambah dengan kes Kumpulan al-Ma'unah dan Kumpulan Militan Malaysia (KMM) yang dikaitkan dengan parti itu.

Meskipun tidak menyatakan secara berterus terang untuk menubuhkan negara Islam dalam manifesto pakatan pembangkang, Pas tetap mengakui proses pembentukan negara Islam akan dimulakan dari negeri dikuasai Pas, seperti di Terengganu dan Kelantan.

Seperti kata Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, ketika melancarkan manifesto pakatan pembangkang di Shah Alam, seminggu sebelum hari mengundi, penubuhan negara Islam bergantung kepada kesepakatan pembangkang dan ia akan dimulakan dengan kedua-dua negeri berkenaan.

Penubuhan negara Islam juga tidak mendapat sokongan kebanyakan pengundi Islam. Kegagalan Pas membuktikan janji untuk melaksanakan hukum hudud di Kelantan meskipun sudah mentadbir negeri itu sejak 1991, membuatkan rakyat menyifatkannya sekadar untuk kepentingan politik.

Penubuhan negara Islam yang diperjuangkan oleh Pas tidak mampu menyaingi hakikat sebenarnya bahawa negara ini sememangnya adalah negara Islam yang bukan setakat berdasarkan kepada jaminan dalam Perlembagaan Malaysia, malah dari aspek pentadbiran, ekonomi, pendidikan, sosial dan seumpamanya.

Rasanya, Abdul Hadi sendiri mungkin tidak menjangka Terengganu yang berada dalam genggaman sejak November 1999 terlepas kepada Barisan Nasional (BN) berikutan kegagalannya mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN).

Di sebalik kelantangan Abdul Hadi menaruh keyakinan mempertahankan Terengganu, 28 kerusi DUN kembali ke pangkuan BN berikutan angin perubahan yang bertiup sejak program Gelombang Biru dilancarkan Perdana Menteri (ketika itu Timbalan Perdana Menteri) di Sekolah Kebangsaan Pusat, Jerteh pada 10 April 2003.

Gelombang Biru yang bertiup sekencang angin Monsun Timur Laut pada musim

tengkujuh, meranapkan kerajaan Pas Terengganu yang terpaksa sekadar berpuas hati dengan empat kerusi yang masih tinggal, iaitu Wakaf Mempelam, Batu Buruk, Ru Rendang dan Manir, manakala tujuh kerusi Parlimen yang disandang Pas dan satu oleh Parti Keadilan Nasional (Keadilan) hilang daripada genggaman.

Selain Abdul Hadi yang tewas kepada calon yang pernah menewaskannya pada pilihan raya 1986, Datuk Abdul Rahman Bakar, Setiausaha Agung Pas yang dilarikan dari Parlimen Jerai (dulu Yan), Nasharuddin Md Isa, turut tersungkur kepada calon BN, Datuk Dr Abdullah Mohamed Zin.

Kini, Abdul Hadi terpaksa menelan semula kata-katanya ketika mengadakan perjumpaan dengan jentera pilihan raya Pas Wilayah Persekutuan di Kampung Baru, Selasa lalu, iaitu Pas akan menjemput pemimpin Umno untuk menyertai Kerajaan Persekutuan jika pakatan pembangkang berjaya membentuk kerajaan.

Di Kelantan, walaupun Pas mampu membentuk kerajaan negeri, ia terpaksa menerima hakikat kehilangan 21 kerusi DUN kepada BN. Malah, Pas terpaksa menunggu hingga sehari selepas hari pengundian untuk membentuk kerajaan negeri dengan majoriti mudah kerana terpaksa menunggu hingga SPR selesai membuat kiraan semula.

Pada peringkat Parlimen pula, Pas hanya mampu menguasai enam kerusi, berbanding 10 yang dimenangi pada 1999.

Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat ketika ditemui wartawan pada malam pengundian seolah-olah tidak mahu menerima kenyataan bahawa sebahagian rakyat Kelantan tidak lagi berminat berada di bawah naungan Pas.

Beliau menuduh ada pihak tertentu yang membuat perancangan rapi untuk menumbangkan Pas di Kelantan dan pihak berkenaan akan menerima hukuman Allah. Baginya, tidak mungkin rakyat Kelantan menolak Pas hingga menyebabkan Pas kehilangan 21 kerusi DUN dan tujuh kerusi Parlimen.

Namun, beliau perlu bertanya apakah punca prestasi buruk itu hanya perlu diletakkan kepada pihak lain sedangkan faktor hakikinya, rakyat Kelantan sememangnya sudah bosan berada di bawah naungan Pas.

Selama 14 tahun memerintah Kelantan, apakah sumbangan kerajaan negeri kepada pembangunan bagi memastikan rakyatnya tidak perlu lagi merantau ke negeri lain, terutama Kuala Lumpur untuk mencari rezeki?

Pastinya rakyat Kelantan sudah terlalu lama menilai kemampuan pemimpin Pas melaksanakan pentadbiran, membelanjakan wang kerajaan negeri untuk pembangunan fizikal dan seumpamanya. Hasil penilaian itu, mereka menterjemahkannya dalam bentuk penolakan terhadap Pas dalam pilihan raya kali ini.

Kepahitan juga terpaksa ditelan Pas Kedah dan Perlis apabila laungan suara keyakinan untuk menakluk Kedah dan Perlis, kali ini tinggal hanya impian.

Pas yang sebelum ini menguasai 12 kerusi DUN di Kedah, terpaksa menerima hakikat bahawa pengundi di Kedah tidak termakan lagi dengan ceramah kosong yang dihamburkan pemimpin mereka.

Daripada 12 kerusi itu, Pas kini hanya memiliki lima kerusi DUN, iaitu Bukit Pinang (dulu Langgar), Anak Bukit, Tokai (dulu Bukit Raya), Sungai Limau (dulu Sala) dan Belantek.

Yang mengejutkan pemimpin Pas Kedah, tujuh Parlimen yang dikuasai parti itu turut dirampas semula oleh BN. Berbanding sebelum pilihan raya, Pas yang menguasai tujuh kerusi Parlimen, kini terpaksa berpuas hati dengan hanya satu kerusi Parlimen yang masih berbaki, iaitu Pendang berikutan kemampuan calonnya, Dr Mohd Hayati Othman menewaskan calon BN, Rozai Shafian dengan undi majoriti tipis 50.

Sehubungan itu, Pas yang pada pilihan raya 1999 berbangga dengan lapan kerusi Parlimen yang dirampasnya daripada BN, kini hanya mampu menghantar Dr Mohd Hayati ke Parlimen manakala baki 14 lagi dikuasai BN.

Pesuruhjaya Pas Kedah, Azizan Abdul Razak yang kalah di Parlimen Sik, ketika dihubungi sejeurus selepas pengumuman kekalahannya melalui kiraan semula Parlimen Sik, mendakwa Pas tewas di kebanyakan kawasan sama ada di Terengganu, Kelantan, Kedah, Perlis, Selangor, Pahang dan Perak adalah akibat tindakan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) melaksanakan persempadanan semula kawasan pilihan raya.

"Tak mengapa kami kalah, tetapi perjuangan akan diteruskan. Terpulang kepada barisan pemimpin pelapis meneruskan perjuangan Islam kerana saya sendiri sudah mencapai 70 tahun. Takkan saya mampu meneruskannya dalam tempoh 10 tahun akan datang," katanya.

Pas Perlis yang dipimpin Pesuruhjayanya, Hashim Jasin masih mempunyai pengaruh di DUN Sanglang. Namun, calon popularnya, Datuk Dr Haron Din yang disebut-sebut bakal menumbangkan Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, juga setakat menelan impian yang tidak menjadi kenyataan.

Populariti Dr Haron yang pernah muncul berceramah di kaca televisyen suatu ketika dulu, tidak melayakkan dirinya untuk meraih undi simpati, mahupun sokongan daripada pengundi di DUN Tambun Tulang dan Parlimen Arau.

Di Selangor, semua calon Pas tewas, sama ada pada peringkat DUN atau Parlimen. Paling memeritkan Pas, Pesuruhjaya Pas Selangor yang juga Naib Presiden Pas, Datuk Dr Hassan Mohamad Ali gagal mempertahankan kerusi DUN Sungai Burung. Kepahitan itu ditambah lagi dengan kekalahan Hassan di Parlimen Parit Buntar.

Selain itu, Pas juga gagal mempertahankan kerusi DUN Kajang (kini Bangi), Sungai Besar dan Gombak Setia. Kata-kata Hassan bahawa Pas yakin merampas Selangor berdasarkan barisan calon yang terdiri daripada ulama dan profesional tidak menjadi kenyataan.

Presiden Persatuan Ulama Malaysia (PUM), Abdul Ghani Shamsuddin yang pertama kali dicalonkan di Parlimen Tanjung Karang untuk meraih undi berdasarkan jawatannya itu, sama sekali gagal meraih undi khususnya di kalangan orang bendang yang dikatakan kubu kuat parti itu.

Pas juga gagal mengembangkan sayapnya di Pahang dan Perak. Kedua-dua negeri itu juga dikatakan menjadi idaman Pas. Namun, kebijaksanaan pengundi membezakan antara intan dengan permata menyebabkan Pas sekadar berputih mata.

Keseluruhannya, Pas kalah teruk dalam pilihan raya kali ini. Pas tidak boleh memberikan alasan sekatan ceramah sebagai faktor kekalahan. Pas juga tidak boleh meletakkan kekalahan itu kepada pihak lain.

Yang jelas, Pas kehilangan pengaruh di Terengganu, Kelantan, Kedah, Selangor, Pahang dan Perak serta Perlis. Kemenangan secara percuma Pas di DUN Senggarang, Johor bukan petanda pengembangan sayapnya ke negeri itu.

Pas harus menerima hakikat bahawa perjuangan politik yang kononnya berteraskan Islam tidak diterima oleh sebahagian besar masyarakat, terutama masyarakat Islam di negara ini. Jika masyarakat Islam sendiri tidak menaruh keyakinan kepada perjuangan bercorak seumpama itu, apatah lagi masyarakat bukan Islam.

Namun, Pas sebagai parti yang sudah lama berjuang, tidak akan mudah mengalah. Pas selepas ini sudah pasti akan menyusun strategi lain. Namun, persoalannya, apakah ia akan diterima oleh masyarakat sedangkan pilihan raya ini membuktikan segala yang didukungnya tidak diterima bukan saja oleh orang bukan Islam, malah orang Islam sendiri.